
[BIL. 24 APR 2019](#)

UMP jalin kerjasama antarabangsa dengan BAI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkasa hubungan strategik antarabangsa dengan meneroka peluang bersama pihak Bolu Aybant Izzet University (BAIBU), Turki dalam majlis yang berlangsung pada Persidangan *for International Education (APAIE) 2019* bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre pada 27 Mac 2019.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani dokumen Rektornya, Profesor Dr. Mustafa Alisarli.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd. Alwi dan Baibu, Özlem Yelda D?LMEN.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, UMP tersenarai dalam penarafan subjek terbaik dunia di QS bagi subjek Mekanikal, Aeronautik, Pembuatan, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan dan Teknologi.

“Pencapaian ini menyerlahkan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran di UMP yang sentiasa teknikal dan teknologi.

“Kedudukan subjek sering digunakan oleh pelajar untuk membuat pilihan dan menilai universiti yang t bidang yang diingini.

“Menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam penyelidikan termasuklah pertukaran staf staf, pelajar serta program akademik yang dapat diterokai bersan

Manakala menurut Profesor Dr. Mustafa, kerjasama ini merupakan suatu permulaan dalam program kerja UMP dalam merealisasikan hasrat hubungan erat antarabangsa ini pada masa akan datang.

“Selain itu, program ini turut menggalakkan program mobiliti pelajar dan staf melalui program seperti Erasmus

Melalui kerjasama ini juga, staf dan pelajar UMP berpeluang berkongsi kepakaran dan menjalinkan hubungan dengan Yildiz Technical University, Sakarya University, Karabuk University, Akdeniz University dan Manisa Celik University berkaitan Kejuruteraan dan Teknologi.

BAIBU yang ditubuhkan pada tahun 1992 merupakan antara universiti terbaik di negara Turki yang turut menawarkan pelajar antarabangsa dan staf yang ditawarkan kepada pelajar dari negara Asia, Eropah, Asia Timur dan Afrika.

UMP dan IPB jalin kerjasama dalam Teknologi *Blockchain* ke arah Digital

Dalam meningkatkan daya saing dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik, Universiti Malaysia Perlis (UMP) memeterai kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan Teknologi *Blockchain* dengan Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS) melalui Pelabuhan Hijau Pintar Digital (*Smart Digital Green Port*) selari dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 Mac 2019 yang lalu di Langkawi, Kedah.

Pelaksanaan inisiatif digital ini juga bakal meningkatkan penggunaan teknologi pintar bagi memajukan perdagangan.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Pengurus Besar IPB, Zulkurnain Ayub.

Turut sama Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Pengurus Undang-undang IPB, Hajah Norkartiny.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, dengan kepakaran dalam teknologi *Blockchain* ini, universiti berpeluang bertukar kepakaran dan mempergiat pembangunan penyelidikan.

“Peluang untuk bekerjasama dengan IPB ini melibatkan pembangunan penyelidikan dan perkongsian kem- serta lain-lain sumber untuk manfaat bersama,” katanya dalam majlis menandatangani MoU yang berlangsung *and Aerospace Exhibition* (LIMA`19) di Langkawi.

UMP mempunyai Pusat Kecemerlangan IBM yang mempunyai kepakaran IT manakala pihak Fakulti P- kepakaran dalam bidang *Supply Chain* yang bakal merencanakan teknologi *Blockchain* ini.

UMP merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama di negara ini menggunakan teknologi *Blockchain* yang dikenali sebagai UMP *Valid8*.

Sementara itu, IPB merupakan pelabuhan pertama di Malaysia yang akan menggunakan teknologi *Blockch*

Majlis turut dihadiri Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM, Dr. Mohamed Ariff Amedeen yang juga merupa

UMP, Alcon jalin kerjasama bangunkan inovasi ka-

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai perjanjian korporat bersama CIBA Vision Johor Sdn. Bhd. aktiviti pembangunan penyelidikan (R&D), penempatan latihan industri, program pertukaran staf dan pelajar Johor Bahru.

Alcon mengeluarkan pelbagai jenis kanta lekap *Air Optix* yang terkenal di dunia. Ia merupakan syarikat menawarkan portfolio produk yang luas dalam meningkatkan penglihatan yang dapat mengubah kehidupan

Lebih 285 juta orang setiap tahun hidup dalam keadaan mata yang menghadapi katarak, glaukoma, peny- ramai lagi yang masih menunggu solusi yang dapat memenuhi keperluan terhadap penjagaan mata.

Kerjasama ini bakal memberi peluang penempatan latihan industri dan pertukaran staf akademik dan pe... dan kecekapan serta berkongsi kepakaran dalam pembangunan penyelidikan (R&D) khususnya bagi me... fabrikasi alat acuan kanta sentuh berbanding pemesinan konvensional.

Majlis menyaksikan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail dan Jeyadeva Govindasamy menandatangani perjanjian dalam majlis yang berlangsung di Alcon di Pelabuhan

Turut hadir Pengarah Bahagian Hubungan Industri Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Profesor Jaringan Industri dan Masyarakat (ICoN), Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Nordin dan juga Ketua Sum

Menurut Profesor Dr. Jamil, perjanjian ini akan menjadi penanda aras dalam hubungan universiti-industri penghasilan kanta lekap berteknologi tinggi.

“Kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk bekerjasama dalam projek penyelidikan dan pembangunan memorandum perjanjian ini. Ianya merangkumi latihan industri bagi pelajar di samping meneroka lain-lain p

Dalam pada itu, pensyarah UMP, Dr. Siti Rabiatul Aisha Idris dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembu... sangkutan industri di bawah penyeliaan Dr. James sebagai mentor menerusi program [CEO@Facu](#) Pendidikan Malaysia (KPM) selama enam bulan di Alcon Johor.

Turut berlangsung pameran pendidikan yang memberi peluang staf di sini meningkatkan kemahiran dan ke

23 pemegang biasiswa UMP jelajah desa dekati masyar

Seramai 35 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan pemegang Biasiswa mendekati masyarakat Orang Asli dalam program Jelajah [Desa@Pos](#) Menson 2019 Cameron Highlands pada

Bertemakan 'Bersama Memasyarakatkan Teknologi', para mahasiswa ini telah menyantuni masyarakat Orang Asli dan penduduk Kampung Leryar.

Program ini adalah kerjasama dengan Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Tabung Orang Asli (JKOA), Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Pejabat Naib Canselor UMP.

Sebanyak 20 modul dan eksperimen dilaksanakan berteraskan sebagai menyuntik kecenderungan pelajar dalam Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang melibatkan hampir 170 orang pelajar di sekolah tersebut.

Keterujaan jelas terpancar di wajah anak-anak Sekolah Kebangsaan Menson yang majoritinya dari masyarakat Orang Asli mencuba sendiri aktiviti tersebut.

UMP juga turut menyumbangkan 13 buah basikal 'preloved' kepada pihak sekolah untuk kegunaan pelajar.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurutnya, UMP sentiasa terbuka dan bersedia meneroka ruang dan potensi kolaborasi strategik dengan pihak-pihak teknikal sama ada dalam bidang akademik ataupun *Corporate Social Innovation* (CSI) seperti ini.

Beliau juga turut berbangga apabila program khas yang dilaksanakan oleh mahasiswa cemerlang yang berprestasi sebagai UMP *Scholar* merupakan inisiatif libat sama sosial (*social engagement*) yang telah, sedang dan akan datang memberi manfaat kepada masyarakat umum, khususnya rakyat di Negeri Pahang Darul Makmur menerima manfaat daripada kewujudan

Beliau turut mengharapkan agar program seperti ini berupaya memberikan pulangan dalam bentuk impak UMP dan masyarakat di Pos Menson.

Sementara itu, menurut Pengarah Program, Ee Hui En dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), b terpakai yang ditinggalkan oleh mahasiswa UMP kerana telah tamat pengajian.

“Saya dan rakan-rakan pemegang biasiswa yang lain telah membaiki dan menambah baik basikal yang te basikal baharu.

“Saya yang kali pertama terlibat dengan masyarakat Orang Asli ini berasa bertuah dan berterima kasih direalisasikan bersama rakan-rakan yang lain,” katanya sebagai sukarelawan dalam program ini.

Turut diadakan adalah malam kebudayaan yang melibatkan persembahan dari mahasiswa UMP dan pe Sekolah Kebangsaan Menson.

Seramai 500 orang masyarakat sekitar hadir pada malam kebudayaan tersebut. Aktiviti lain yang turut d royong.

Sempena program ini juga turut diadakan Majlis Penyerahan Projek Solar Pos Menson kepada Tok Batin K

Projek solar di Surau Kampung Leryar ini adalah sumbangan UMP dan MUIP bersama *MyGift* UMP. Melalu dan membantu menyemarakkan lagi kempen inisiatif hijau UMP.

Projek solar ini dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran oleh mahasiswa dan staf UMP.

UMP turut menyumbang basikal *‘preloved’* dan papan tanda rumah kepada setiap rumah di Kampung Leryar.

Manakala MUIP menyumbang hamper makanan harian. Majlis tersebut turut dihadiri Pengurus Tabung Ha dan Pegawai MUIP Cameron Highlands, Hazwan Hafiz Abdul Jalil.

Suhu panas melampau kesan pembentukan E

Keadaan persekitaran di Malaysia sejak akhir-akhir ini dalam keadaan membimbangkan susulan daripada cuaca kering dan jumlah hujan bulanan yang kurang dari paras purata normal.

Bacaan Index Pencemaran Udara (IPU) di beberapa buah daerah seperti Rompin, Balok, Shah Alam, dan Melaka telah direkodkan dalam paras berjaga-jaga.

Menurut Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Nadrah Aqilah Tukimat, sesuatu isu baharu terutama ketika pengakhiran monsun timur laut mulai bulan Februari hingga Mac.

“Tetapi peningkatan suhu secara drastik sehingga mencecah 38 darjah Celcius dalam jangka masa yang disebabkan kesan dari El-Nino ekstrem pada tahun 2015-2016?”

“Merujuk kepada rekod trend Oceanic Nino Index (ONI) tahun 1950 hingga 2019, sebanyak empat kali El-Nino ekstrem telah berlaku pada tahun 1982 hingga tahun 1983 (+2.2), 1997-1998(+2.4), dan 2015-2016 (+2.6) dengan kala ulang dalam sejarah. Kejadian ini ditemui baru-baru ini dalam berkongsi kepakaran di siaran UMP TV.

Tambah beliau, paras suhu permukaan Lautan Pasifik (SST) ketika berlakunya El-Nino ekstrem juga didapati membawa jangkaan bahawa pada 10 tahun akan datang El-Nino yang lebih kuat akan berlaku berbanding dengan El-Nino yang lemah.

“Setiap El-Nino ekstrem juga akan diikuti dengan dua kali berturut-turut pembentukan La-Nina. Seterusnya, siri El-Nino sederhana selepas empat tahun pembentukan El-Nino ekstrem.

“Berdasarkan trend tersebut, suhu panas melampau pada tahun ini adalah kesan daripada El-Nino ekstrem dan ianya merupakan peringkat awalan pembentukan El-Nino sederhana.

“Begitu juga rekod NINO 3.4 menunjukkan suhu panas telah mula membentuk pada Jun, 2018 dan ber- bacaan di bawah paras +1.2 (sederhana),” katanya.

Walau bagaimanapun katanya, peningkatan suhu permukaan Lautan Pasifik (SST) tidak konsisten dan mu-

“Pada bulan Mac 2019 juga memperlihatkan pergerakan suhu sejuk juga mula terbentuk di timur Lautan dapat mengimbangkan semula suhu di permukaan Lautan Pasifik.

“Di samping itu, peralihan monsun yang akan bermula pada bulan April dijangkakan dapat menuru- *Atmospheric Administration* (NOAA) menganggarkan kebarangkalian berlakunya El-Nino telah menurun s- El-Nino lemah akan terbentuk,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kekerapan pembentukan El-Nino ini juga ada perkaitan dengan peningkatan suhu p- kehadiran gas rumah hijau.

“Peningkatan GAT menggalakkan pembentukan suhu panas di permukaan lautan pasifik yang menggalak- Nino. NOAA juga telah mengesahkan bahawa peningkatan 25 peratus karbon dioksida akibat daripada pe- Nino yang lebih kuat pada tahun 2016.

“Hasil kajian dengan menggunakan kaedah statistik (SDSM-AR5) juga meramalkan perubahan iklim luar- sumber air untuk jangka panjang. Manakala peningkatan suhu maksimum terutama di kawasan Kuantan

sehingga mencecah 35 darjah Celcius dengan kebarangkalian bacaan SPI di bawah -2.2 (ekstrem kering)

“Begitu juga dengan suhu tinggi ini tertumpu pada bulan Februari hingga Julai dengan membawa kadar 100mm/bulan pada bulan-bulan tertentu. Data ini merupakan data input penting untuk mengawal kelestarian

Beliau juga menasihatkan orang ramai agar memperbanyakkan meminum air tatkala suhu panas dan elak

“*We can’t prevent a natural disaster but we can prevent a disaster within the disaster,*” ujar Dr. Nadrah men

Kursus Pensijilan *Orienteering* beri pendedahan kepada pen

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Buat julung kalinya, Pusat Sukan dan Kebudayaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama *Club* (MEOSC) dan Akademik *Orienteering* Malaysia (AOM) telah menganjurkan Kursus Pensijilan *Orienteering* pada 26 Mac 2019 yang lalu

Program yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang itu telah mendapat penyertaan seramai 100 orang pelajar dan staf UMP.

Menurut Mohd Aznorizamin Ismail yang menjalankan tugas-tugas Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga UMP mengenai sukan *orienteering* yang dilihat semakin mendapat tumpuan di kalangan pelajar dan staf UMP.

“Program ini juga mampu meningkatkan dan memperkembangkan kegiatan sukan *orienteering* dalam kalangan pelajar dan staf UMP serta komuniti setempat bagi mendapat pengiktirafan dari MEOSC dan IOF dalam

“Selain itu, peserta juga turut didedahkan dengan pembelajaran secara teori dan praktikal di samping turut menikmati sukan *orienteering*.

“Selari dengan Pelan Strategik Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dalam menghasilkan juara sukan dal juga dilihat mampu memberi nilai tambah kepada mahasiswa terutamanya selepas bergraduasi dengan me dan pengalaman secara spesifik daripada persatuan kebangsaan,” katanya.

Beliau mengharapkan penganjuran program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan dalam mem samping mencari pelapis pada masa hadapan.

FKASA-Civer Dragon juara Bola Jaring, FSKKP-Arctic Fox ju

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Liga Bola Jaring Universiti Malaysia Pahang (UMP) *Netbusters* menyaksikan pasukan FKASA-Civer *Drago* FKKSA-*Humble Bee* naib juara dan FKM-Mecha Rhino selesa di tempat ketiga.

Sementara itu, bagi Liga Futsal UMP Super 5 Kategori Wanita, pasukan FSKKP-*Arctic Fox* telah muncul FKEE-*Dino Thunder* berjaya mengetepikan cabaran FIM-Bengal Tiger bagi perebutan tempat kedua dan ke

Bagi kategori Lelaki Futsal pula menyaksikan saingan sengit melibatkan kesemua pasukan yang bertam mengekalkan kejuaraan yang dimiliki oleh mereka tahun lepas sekaligus mengetepikan cabaran FTEK-*Bi*

dan ketiga.

Kejohanan Liga Sukan Dalaman UMP yang masuk edisi keenam anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan U (MSP) universiti ini dilihat sebagai medan bagi melahirkan atlet yang berbakat.

Pengarah Kejohanan, Haizad Hashim berkata, kejohanan kali ini dilihat dapat membudayakan aktiviti beramnya.

“Kejohanan yang mempertandingkan tiga sukan utama iaitu Bola Sepak, Bola Jaring dan Futsal telah men UMP serta buat pertama kalinya turut mendapat penyertaan dari pelajar antarabangsa dengan menggunakan

“Kejohanan kali ini juga diharapkan dapat melahirkan pelajar yang bergiat aktif, sihat, cergas, dinamik, semangat setia kawan serta semangat berpasukan melalui aktiviti sukan di samping menanam jati diri dalam

Majlis perasmian dirasmikan oleh Mohd Aznorizamin Ismail yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, yang lalu.

Turut hadir Pengerusi Liga Sukan Dalaman, Nur Adam Maximillian dan Exco Sukan Majlis Perwakilan Sukan Pelajar UMP, Alex Tiong Sie Hung.

Bagi saingan bola sepak Liga Super UMP, saingan kini memasuki minggu kedua kejohanan dan juara b perlawanan akhir yang dijadualkan pada 17 April depan di Stadium Mini, UMP Kampus Gambang.

-
- 164 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

